

## KESIMPULAN

### 7.1 Masalah-masalah yang Timbul dari Dasar Pemusatan

Sesungguhnya dasar pemusatan kuasa yang dilaksanakan oleh maharaja Song Tai Zu dan Song Tai Zong telah menyatu-padukan keadaan yang pecah-belah di negara China. Penyatuan ini secara tidak langsung memberi peluang terhadap pembangunan dalam bidang ekonomi dan kebudayaan dinasti Song. Walau bagaimanapun, oleh kerana dasar pemusatan kuasa merupakan satu dasar yang despotik, maka lama-kelamaan dasar ini menyebabkan pula kesan-kesan yang buruk. Bilangan askar dan pegawai yang berlebihan serta tambahan perbelanjaan kos telah meningkat ke satu tahap yang serius. Akibat dari itu, dinasti Song terjerumus ke dalam suatu keadaan yang membimbangkan.

Pemerintah dinasti Song cuba mengurangkan kuasa jabatan-jabatan kerajaan dan pegawai-pegawai kerajaan demi mempertingkatkan dan memperkukuhkan kuasa maharaja, tindakan sedemikian menyebabkan kuasa tertumpu sepenuhnya pada maharaja seorang sahaja. Pemusatan kuasa maharaja telah memberi kesan yang langsung terhadap pentadbiran negeri dan tempatan kerana pegawai-pegawai tempatan menjalankan pentadbiran dengan sikap yang suka mengikut kehendak maharaja tanpa menghiraukan kesannya terhadap rakyat jelata.

Bermula pada zaman pemerintahan Zhen Zong, mereka yang menjadi pegawai melalui peperiksaan awam telah meningkat tahun demi tahun. Ditambah

pula dengan sistem perlindungan yang dilaksanakan oleh kerajaan Song , bilangan pegawai telah bertambah ramai . Di samping itu , dasar *Mokan* yang melibatkan kenaikan pangkat pegawai-pegawai kerajaan secara automatik telah memberi kesan yang buruk terhadap kerajaan Song . Dasar-dasar yang dijalankan oleh kerajaan Song menjadi satu masalah yang serius dan akhirnya memburukkan lagi kerena birokrasi ( 官僚主义 ) yang sekian lama wujud pada dinasti Song

Jika dilihat secara teliti , terdapat kesan yang langsung dari penambahan bilangan pegawai-pegawai kerajaan ini , iaitu perbelanjaan negara telah bertambah dengan seriusnya . Untuk menanggung perbelanjaan yang berlebihan , kerajaan Song terpaksa menambahkan cukai daripada rakyat jelata. Tindakan ini walaupun menambahkan pendapatan negara , namun kesan negatif yang dibawa olehnya adalah lebih teruk lagi . Pertambahan cukai yang berlipat ganda yang dilaksanakan oleh kerajaan Song telah menyebabkan kehidupan rakyat jelata semakin miskin dan susah sehingga di antaranya terdapat mereka yang membunuh diri untuk mengelakkan keadaan yang susah payah itu .

Dasar pemusatan kuasa oleh kerajaan sesungguhnya membahayakan kerajaan Song sendiri . Kerajaan Song terpaksa “ membela ” ramai pegawai-pegawai kerajaan yang tidak berguna di mana mereka hanya menduduki jawatan kerajaan tersebut pada nama sahaja tanpa menjalankan tugas dengan dedikasi dan bertanggungjawab . Demi mendapatkan jawatan yang tinggi dalam jabatan kerajaan , ada di antara pegawai-pegawai tersebut yang tidak mengikut jalan atau cara yang

betul dengan memberi rasuah kepada pihak-pihak yang tertentu . Menteri-menteri dan pegawai-pegawai kerajaan menjalankan tugas dengan mengekalkan peraturan lama sahaja demi mengelakkan daripada melakukan kesalahan . Sistem birokrasi bertambah buruk dan pembangunan dinasti Song tersekat . Masalah-masalah timbul di mana rakyat jelata turut menyedari akan krisis yang diakibatkan oleh kemerosotan sistem birokrasi ini .

Pegawai-pegawai kerajaan khususnya pegawai-pegawai tinggi kerajaan yang menikmati gaji yang tinggi sebenarnya banyak membebankan kerajaan Song . Misalnya gaji bagi Perdana Menteri dan Pesuruhjaya Biro Ketenteraan telah mencapai angka 300,000 *guan* sebulan . Dengan gaji yang tinggi , mereka berupaya membeli sawah padi yang subur . Selain itu , mereka diberi elaun pakaian untuk diri serta pengikutnya . Perbelanjaan-perbelanjaan yang tinggi menambahkan lagi krisis ekonomi dinasti Song Utara sehingga akhirnya gagal dikawal oleh pihak kerajaan .

Dari segi institusi ketenteraan , kerajaan pusat telah menghadkan kuasa mereka dan akibat dari itu , masalah-masalah turut timbul pada pasukan tentera Song . Di antara masalah-masalah yang serius termasuklah (1) jeneral tentera tidak mempunyai kuasa untuk memimpin tentera , (2) jeneral tentera tiada kuasa memberi arahan kepada pasukan tentera , (3) pasukan tentera tidak berdisiplin dan (4) askar tidak mengenali jeneral dan jeneral pula tidak mengenali askarnya .

Dari segi tentera pula , Sistem Perkhidmatan Tentera secara Giliran atau dikenali sebagai *gengshufa* memaksa askar-askar bertugas di tempat-tempat yang berlainan dan jaraknya sejauh beberapa ribu *li* . Tindakan ini bukan sahaja meletihkan askar-askar , malah menambahkan perbelanjaan negara . Sistem ini juga memisahkan hubungan di antara askar-askar dan menyebabkan mereka gagal mengatur serangan yang serentak . Peperangan dengan Liao di Zhuozhou 涿州 dan peperangan dengan Xia di Haoshuichuan merupakan contoh-contoh yang konkrit di mana *gengshufa* gagal mengumpulkan askar-askar untuk bertahan dengan pihak lawan .

Oleh sebab kekurangan disiplin dan latihan , askar-askar Song bersifat malas dan berasa kecut apabila berdepan dengan pihak lawan . Keadaan ini bertambah serius selepas Perjanjian Chanyuan ditandatangani . Walau bagaimanapun , mereka bertindak zalim terhadap rakyat jelata , mereka melakukan perbuatan rompak dan sebagainya . Akibat dari itu , masalah sosial bertambah buruk di mana askar-askar yang tidak berdisiplin ini bukan sahaja tidak mampu mengawal keselamatan rakyat jelata , malah mereka menjadi penderhaka yang paling merbahaya kepada rakyat yang tidak berdosa .

Memandangkan pembangunan ekonomi semakin pesat , ramai daripada pegawai-pegawai awam dan jeneral tentera menceburkan diri pula dalam perbuatan rampas . Mereka bukan sahaja merampas harta rakyat , tetapi juga menawan askar-askar dan memaksa mereka berkerja sebagai buruh mereka . Ada di antara askar-

askar yang menjadi hamba kepada jeneral tentera Song . Sesungguhnya masalah sosial bertambah buruk dan pasukan tentera Song semakin lemah . Pasukan Song melancarkan taktik bertahan sahaja dan oleh yang demikian kerajaan Song terpaksa tunduk kepada Liao dan Xia pada akhirnya . Demi mempertahankan kedudukan Song , kerajaan Song terpaksa membayar ganti rugi dengan jumlah barang dan wang yang banyak kepada musuh . Wang Fuzhi pernah memberi komen bahawa “Semasa pemerintahan Yuan Hao , tentera Song mengalami kekalahan di Yanzhou ; Liu Ping 刘平 dan Shi Yuansun 石元孙 meninggal dalam medan peperangan ; pasukan Song sekali lagi kalah di Haoshuichuan di mana pasukan yang dipimpin oleh Ren Fu mengalami kekalahan yang teruk . Han Qi , Fan Zhongyan bertanggungjawab dalam memimpin pasukan Song hanya sekadar mempertahankan keadaan yang lemah tanpa apa-apa sumbangan yang besar dalam bidang ketenteraan ” .<sup>1</sup> Kenyataan ini sekali lagi membongkarkan ketidakupayaan kerajaan Song .

Dalam konteks yang lain , kehancuran dalam sistem sawah awam telah memberi peluang kepada perampasan tanah oleh tuan-tuan tanah yang kaya dan berpengaruh . Demi mendapatkan sokongan daripada tuan-tuan tanah dan memperkukuhkan kuasa pemerintahan , kerajaan Song bersifat sengaja melonggarkan peraturan sawah awam iaitu dengan sikap acu tak acu . Akibat dari itu , perampasan tanah semakin serius dari masa ke semasa . Malah pegawai-pegawai kerajaan yang berpangkat tinggi mempergunakan hak istimewa mereka untuk

---

<sup>1</sup> Wang Fuzhi 王夫之 , *Songlun 宋论 (Kajian Terhadap Dinasti Song)* , Beijing : Zhonghua Shuju Chuban , 1964 , ms. 105 .

menambahkan harta tanah mereka masing-masing dan mereka ini telah menjadi pemilik tanah yang terbesar pada dinasti Song .

Selain daripada pegawai-pegawai kerajaan , penjahat-penjahat tempatan (恶霸) juga merupakan golongan yang terlibat dalam perampasan tanah . Khususnya di daerah pedalaman atau kawasan yang jauh dari kawalan ibukota , penjahat-penjahat bukan sahaja memiliki tanah yang luas , bahkan mereka juga mempunyai alat-alat berbahaya seperti belantan , kayu dan pedang . Dengan itu mereka melakukan perbuatan jenayah tanpa mempedulikan peraturan-peraturan yang sedia ada .

Di samping itu , peniaga-peniaga yang kaya juga merupakan golongan yang merampas tanah . Memandangkan perkembangan dalam industri kesenian dan pembangunan ibukota semakin pesat , peniaga-peniaga telah memonopolikan pasaran demi mengumpulkan sebanyak wang yang boleh . Mereka menjalankan perniagaan pinjaman secara tidak sah dan tindakan mereka telah memburukkan lagi ekonomi dan suasana kehidupan rakyat jelata .

Dalam hubungan yang sama , keuntungan telah direbut-rebut oleh pegawai-pegawai kerajaan yang tamak . Demi mendapatkan keuntungan yang berlipat ganda , golongan ini telah menjalankan perniagaan dengan melanggar peraturan negara seperti menjual teh , arak dan mengangkut kayu balak . Pegawai-pegawai kerajaan telah menjadikan aktiviti-aktiviti ini sebagai kerja sampingan .

Malah dalam proses-proses kerja-kerja ini dijalankan , korupsi menjadi semakin serius dan masalah korupsi ini secara langsung menjejaskan perkembangan ekonomi negara .

Akibat dari perampasan tanah-tanah , mereka yang kaya menjadi lebih kaya manakala mereka yang miskin pula tetap miskin . Konflik berlaku di mana hasrat mereka yang tiada tanah ingin memperolehi tanah tidak tercapai manakala bagi mereka yang kekurangan tanah lama-kelamaan pula akan hilang tanah-tanah mereka . Demi melindungi tanah-tanah mereka , petani-petani terpaksa menentang pihak yang berkuasa dan konflik ini mudah mencetuskan pertelingkahan dan pertempuran .

## 7.2 Cadangan-cadangan Sarjana-sarjana Pentadbir dalam Menyelesaikan Masalah-masalah

Sejarah telah membuktikan bahawa konflik yang serius telah mengakibatkan ketidakpuasan hati di kalangan rakyat dinasti Song . Memandangkan krisis semakin mambimbangkan , sarjana-sarjana pentadbir menyedari bahawa dasar-dasar yang konkrit harus dilaksanakan demi mengatasi masalah-masalah yang wujud . Justeru itu , mereka telah mengemukakan pandangan-pandangan sendiri demi mengubah nasib dinasti Song . Di antaranya termasuklah Wang Yucheng pernah mengemukakan petisyen yang terkenal iaitu Lima Perkara ( *Wushi* ) pada tahun 997 . Pada tahun 1023 pula , Li Zi dan Yu Xianqing juga mengemukakan pandangan-pandangan masing-masing terhadap pembaziran negara yang

membebankan rakyat jelata . Manakala pada tahun 1039 , Song Qi 宋祁 ( 998—1061 ) menghantar petisyen kepada maharaja Ren Zong dengan harapan maharaja bersifat berjimat-cermat demi kebaikan rakyat jelata . Sesungguhnya pandangan-pandangan yang dikemukakan oleh sarjana-sarjana pentadbir mempunyai persamaannya iaitu mereka sama-sama mengharapkan pembaharuan diadakan demi membangunkan semula dinasti Song yang semakin lemah itu .

Pada hakikatnya , pandangan-pandangan daripada sarjana-sarjana pentadbir sejak awal-awal merupakan penggerak utama dasar pembaharuan kemudiannya . Seperti sarjana pentadbir dinasti Song yang lain , Fan Zhongyan turut berhasrat mengubah nasib dinasti Song dengan mengemukakan pandangan sendiri dalam laporannya berjudul “Da shouzhao tianchen shishi ” kepada maharaja Ren Zong . Pandangan-pandangan Fan Zhongyan telah diterima oleh maharaja Ren Zong akhirnya dan pada tahun 1043 , dasar-dasar tersebut mula dilaksanakan dan ianya dikenali sebagai dasar pembaharuan Qingli dalam sejarah Song .

Jika dilihat secara teliti , didapati bahawa dasar pembaharuan Qingli sebenarnya merupakan titik perubahan yang penting dalam menggerakkan pembaharuan politik di dinasti Song . Sebagaimana yang diketahui , peperiksaan awam yang dilaksanakan oleh kerajaan Song telah menjadi saluran utama kepada golongan pertengahan dan bawahan untuk menjawat jawatan pegawai kerajaan . Selain daripada Fan , ahli-ahli yang menggerakkan dasar pembaharuan Qingli seperti Du Yan , Ouyang Xiu , Han Qi , Sun Mian 孙沔, Yu Jing , Cai Xiang 蔡襄



dan Yin Zhu juga merupakan sarjana dari golongan pertengahan dan bawahan yang dapat memegang jawatan pegawai-pegawai kerajaan menerusi peperiksaan *keju*. Oleh sebab mereka ini berasal dari golongan pertengahan dan bawahan, maka apabila mereka muncul di pentas politik Song, mereka akan mewakili golongan pertengahan dan bawahan dengan mengemukakan pandangan mereka. Fan sebagai watak utama dalam dasar pembaharuan Qingli mengharapkan perubahan dalam sistem birokrasi, memperkuat jentera negara dan memperkukuhkan dasar pemusatan kerajaan.

Golongan reformis berpendapat bahawa hanya dengan mengubahsuaikan institusi birokrasi sahajalah yang dapat mengatasi masalah-masalah yang wujud pada dinasti Song. Pada tahun 1041, Sun Mian telah mengkritik sistem *mokan* sebagai punca utama masalah pegawai kerajaan yang berlebihan. Selain itu, beliau juga mengkritik kelonggaran sistem *enyin* (sistem perlindungan) di mana sistem ini telah mengakibatkan orang-orang yang tidak berkebolehan turut menjawat jawatan pegawai kerajaan. Di samping itu, pada tahun 1042, Yin Zhu telah mengkritik sistem *enyin* dengan hebat juga. Golongan reformis mengkritik sistem-sistem yang wujud sebenarnya merupakan satu bantahan terhadap hak istimewa yang dimiliki oleh keluarga tuan tanah dan saudara-mara maharaja yang berkuasa. Tindakan mereka ini secara tidak langsung membuka jalan kepada sarjana-sarjana pentadbir dari golongan pertengahan dan bawahan turut menceburkan diri dalam memegang jawatan pegawai-pegawai kerajaan.

Fan Zhongyan , salah seorang sarjana pentadbir yang berasal daripada golongan pertengahan dan bawahan berhasrat mengubah nasib dinasti Song dengan mengemukakan dasar-dasar yang mengurangkan sistem-sistem yang merugikan rakyat jelata . Bagi beliau , hanya dengan menghadkan hak-hak istimewa golongan-golongan tertentu , maka jentera negara akan berjalan dengan lancar dan seterusnya masyarakat akan mencapai kestabilannya .

Sekiranya ditinjau dengan teliti , didapati bahawa dasar-dasar pembaharuan Fan yang memanfaatkan rakyat jelata sebenarnya mempunyai pertalian langsung dengan latarbelakang beliau .

### 7.3 Fan Zhongyan dan Dasar Pembaharuan Qingli

Fan Zhongyan dilahirkan dari keluarga yang miskin dan dalam sepanjang perjalanan pembelajaran beliau , Fan telah mengalami penderitaan dan kesusahan yang sukar dibayangkan . Semenjak dari kecil lagi , Fan bercita-cita tinggi . Kekayaan , kemiskinan , kemasyhuran dan kegembiraan tidak dapat mengubah cita-cita beliau . Beliau ingin menyumbangkan usaha beliau terhadap tanahairnya pada masa kelak .<sup>2</sup>

Oleh kerana Fan berasal dari latarbelakang keluarga yang miskin , maka beliau lebih memahami penderitaan dan kesusahan golongan rakyat biasa . Apa yang penting , beliau mempunyai rasa simpati dan perasaan cintai golongan

---

<sup>2</sup> “Baoxian zhi bei” 褒贤之碑 , *Baoxian Ji* 褒贤集 , FWZJ , ms. 782 .

bawahan dan pertengahan . Fan bukan sahaja bersungguh-sungguh mengejar ilmu , pengetahuan , bahkan asyik mengkaji klasik-klasik konfusian di mana beliau mengharapkan ilmu yang diperolehinya mampu membantu beliau mentadbir dinasti Song yang pada masa itu berada dalam keadaan yang lemah dari pelbagai bidang . Kemiskinan hidup yang dialaminya sejak dari kecil telah membina semangat ketekunan dan ketabahan beliau di mana pengalaman ini telah memberi kesan yang langsung terhadap aktiviti politik sepanjang hidup Fan .

Selain dari bersifat tekun dan tabah , Fan juga bersifat berjimat-cermat . Setelah Fan menjadi pegawai kerajaan , kehidupan beliau tetap berada dalam keadaan yang berjimat-cermat . Walau bagaimanapun , apabila berlakunya peristiwa kecemasan , beliau tetap membantu mereka yang lebih memerlukannya tanpa memikirkan diri sendiri .<sup>3</sup>

Sebagai seorang ahli politik yang terkenal , sifat Fan Zhongyan yang berjimat-cermat , berdisplin diri dan ketabahan harus diberi pujian , khususnya pada zaman tersebut ramai yang terlibat dalam perebutan tanah , korupsi dan bersifat mengutamakan kepentingan diri , sifat-sifat Fan telah menjadi lebih berharga dan seharusnya diberi sanjungan yang tinggi .

Keberanian Fan Zhongyan menonjol pada tahun 1025 . Fan mengemukakan pandangan tentang pembaharuan terhadap maharaja Ren Zong dalam petisyen “Zou Shang Shiwushu ” . Dalam petisyen tersebut , Fan

---

<sup>3</sup> Ibid , ms. 792 .

mendedahkan beberapa perkara termasuklah keburukan sistem perlindungan , menggalakkan kebebasan bercakap , menegaskan kepentingan orang-orang yang berkebolehan , memperbaiki bidang ketenteraan negara dan mengubahsuai suasana moral para pegawai kerajaan . Sebagai seorang pegawai daerah yang berpangkat rendah , Fan sanggup mengorbankan kepentingan diri demi mendedahkan gejala-gejala buruk pada dinasti Song . Perkara-perkara yang dikemukakan juga merupakan asas kepada dasar pembaharuan Qingli pada masa kemudian .

Sesungguhnya sepanjang perjalanan politik Fan Zhongyan amatlah berliku-liku . Ini dapat ditunjukkan pada tahun 1029 di mana Fan merayu supaya Maharani Liu ( 刘太后 ) memulangkan kuasa memerintah kepada Song Ren Zong yang pada masa itu telah berumur 20 . Akibatnya Fan diturunkan pangkat menjadi pemeriksa daerah di Hezhong Fu 河中府 . Pada tahun 1033 , Fan sekali lagi membantah maharaja Ren Zong kerana menghapuskan kedudukan Maharani Guo ( 郭太后 ) dan kali ini Fan diturunkan pangkat menjadi pentadbir daerah di Muzhou . Pada tahun 1036 , Fan sebagai pentadbir daerah Kaifeng telah mengkritik Perdana Menteri masa itu iaitu Lu Yijian secara terbuka di depan maharaja Ren Zong . Fan sekali lagi diturunkan pangkat menjadi pentadbir daerah di Raozhou . Peristiwa ini telah mengakibatkan gejala pakatan atau *pengdang* tersebar secara berleluasa dan ianya menjadi satu topik yang hangat dipertikaikan di antara golongan reformis dengan pihak pembangkang .

Cita-cita Fan Zhongyan adalah tinggi dan namanya semakin diketahui di kalangan sarjana-sarjana pentadbir dinasti Song. Malah kebanyakan daripada mereka mengharapkan Fan menceburkan diri dan memimpin arus pembaharuan demi memulihkan keadaan politik Song yang semakin membimbangkan itu.

Pada masa yang sama, hubungan di antara Song dengan Xi Xia amatlah renggang. Askar-askar Xi Xia berturut-turut menyerang sempadan Song. Masalah luaran dan dalaman turut meliputi kerajaan Song. Perdana Menteri Lu Yijian tidak terdaya memikirkan jalan yang baik untuk mengatasi masalah ini. Segolongan sarjana pentadbir bercadang untuk mengadakan pembaharuan pada dinasti Song. Malah maharaja Ren Zong juga berhasrat mengubah nasib dinasti Song.

Apabila Fan memegang jawatan Timbalan Perdana Menteri pada tahun 1043, cita-cita beliau yang ingin menyumbangkan usaha terhadap tanahair turut berpeluang tercapai. Fan telah berumur 55 dan masa itulah merupakan satu titik perubahan yang sungguh cemerlang dalam sepanjang hidup politik Fan.

Fan Zhongyan telah mengemukakan petisyen yang terkenal dalam sejarah iaitu "Da shouzhao tiaochen shishi". Sarjana-sarjana pentadbir pada masa itu seperti Han Qi, Fu Bi dan Ouyang Xiu turut menyokong Fan dan dasar-

dasar pembaharuan beliau . Isi kandungan dasar-dasar tersebut dapat disimpulkan di bawah :

(1) **Sistem kenaikan pangkat** : Sistem pemilihan pegawai kerajaan Song diwarisi dari dinasti Tang . Pada zaman pemerintahan Song Tai Zong , pihak kerajaan mendirikan Biro Pemeriksaan serta Biro Peperiksaan ( *kaokayuan* 考课院) di mana kedua-dua biro ini bertanggungjawab atas peperiksaan pegawai-pegawai kerajaan di ibukota dan daerah serta terus menilai jasa dan kelayakan mereka untuk kenaikan pangkat . Pada zaman pemerintahan Zhen Zong , sistem peperiksaan berubah menjadi sistem *mokan* . Sistem *mokan* lebih mengutamakan tempoh seseorang berkhidmat daripada menilai sumbangan pegawai-pegawai tersebut . Apabila sampai pada zaman pemerintahan Ren Zong pula , sebagai kebiasaan kedua-dua pegawai-pegawai awam dan pegawai-pegawai tentera dinaikkan pangkat selepas tiga tahun . Sebenarnya , sistem *mokan* pada zaman pemerintahan Ren Zong telah menjadi satu sistem yang longgar di mana kebolehan dan sumbangan seseorang pegawai telah diketepikan . Sistem ini mengakibatkan ramai daripada pegawai-pegawai kerajaan bersifat malas , acu tak acu dan tidak bertanggungjawab . Ringkasnya , sistem ini melindungi dan mempertahankan pegawai-pegawai yang tidak berkebolehan manakala disebaliknya pula menyingkirkan pegawai-pegawai yang berkeupayaan . Dasar pembaharuan dalam sistem kenaikan pangkat yang dikemukakan oleh Fan menegaskan kebolehan seseorang tanpa mengira masa perkhidmatannya dalam jabatan kerajaan . Malah bagi pegawai-pegawai kerajaan

yang berkebolehan dan mempunyai sumbangan terhadap rakyat jelata, mereka harus dinaikkan pangkat tanpa terhad kepada kelayakan sistem *mokan*.

(2) **Sistem perlindungan** : Sistem perlindungan merupakan satu sistem yang membolehkan saudara-mara atau anak cucu pegawai-pegawai kerajaan memegang jawatan pegawai kerajaan melalui penganugerahan daripada maharaja. Sistem perlindungan ini telah mencapai ke satu tahap penyelewengan yang serius pada dinasti Song. Khususnya selepas zaman pemerintahan Zhen Zong, sistem perlindungan telah menyebabkan golongan tertentu mudah dinaikkan pangkat. Pentadbiran pada pasukan pegawai kerajaan menjadi lebih kompleks lagi. Fan ingin menghadkan bilangan pegawai-pegawai yang dilantik melalui cara ini dan mencadangkan bahawa dalam setiap *fu* 府 dan *sheng* 省, pegawai-pegawai yang berkuasa boleh memperkenalkan seorang anak untuk dijadikan pegawai apabila upacara Nanjiao 南郊 diadakan pada setiap tiga tahun. Selain itu, pegawai-pegawai kerajaan tidak dibenarkan merekomen saudara-mara atau anak-cucu memegang jawatan pegawai kerajaan apabila upacara Harijadi maharaja diadakan setiap tahun seperti yang dilakukan dahulu.

(3) **Sistem peperiksaan** : Fan Zhongyan mengemukakan dasar pembaharuan ini semata-mata untuk mengubahsuai sistem peperiksaan awam pada dinasti Song. Fan mengkritik sistem peperiksaan awam Song yang hanya mementingkan penghafalan puisi dan interpretasi kitab-kitab klasik tanpa memahamii tema-tema pentingnya. Fan berpendapat bahawa orang-orang yang

berkebolehan merupakan penggerak utama pembangunan dinasti Song . Dalam hubungan ini , mereka yang mengambil peperiksaan awam harus mempunyai pengetahuan terhadap isu-isu politik dan memahami prinsip dan dasar politik yang memerintah negara . Bagi Fan , orang-orang yang berkebolehan harus diutamakan kerana mereka ini mampu menggerakkan jentera pentadbiran negara dengan lebih lancar .

(4) **Sistem perakuan pegawai** : Pemilihan pegawai yang lebih ketat telah disarankan oleh Fan Zhongyan . Kerajaan harus menggalakkan pegawai-pegawai kerajaan yang berkhidmat untuk rakyat dan disebaliknya pula pegawai-pegawai kerajaan yang tidak berupaya harus dipecatkan jawatannya . Fan menyarankan bahawa untuk mengisi jawatan Pesuruhjaya Fiskal dan Pegawai Pengadilan sekurang-kurangnya perlu direkomen seramai 10 orang calon oleh Sekretariat Imperial dan Biro Ketenteraan . Manakala untuk jawatan pentadbir daerah pula harus direkomen seramai 10 orang calon oleh Pegawai Khas yang mendraf dokumen di sekretariat dan juga oleh Ahli Akademi Hanlin . Selain itu , Pegawai Kewangan dan Keadilan diberi kuasa untuk memperakukan orang-orang dibawahnya sebagai pentadbir daerah . Seandainya pentadbir daerah mentadbir kawasannya dengan baik , maka mereka berpeluang dinaikkan pangkat menjadi pentadbir di kerajaan pusat . Ringkasnya , sistem pemilihan yang ketat dapat menjamin kualiti pegawai-pegawai kerajaan pada dinasti Song .



(5) **Pembahagian pendapatan yang lebih adil melalui sistem sawah awam** : pembahagian sistem sawah telah mencapai tahap ketidakseimbangannya pada zaman pemerintahan Zhen Zong . Fan Zhongyan mengesyorkan supaya pihak kerajaan membahagikan sawah dengan seimbangannya di mana pegawai-pegawai kerajaan yang berpangkat tinggi dan rendah turut mendapatkan sawah . Dengan ini , mereka akan lebih rela menjalankan tugas dengan hati yang jujur , berkorban dan berdedikasi .

(6) **Mementingkan pertanian** : Sektor pertanian merupakan asas kepada pembangunan negara . Justeru itu , Fan mengesyorkan supaya kerajaan Song mengutamakan pembangunan dalam bidang pertanian kerana kehidupan rakyat jelata adalah bergantung kepada pengeluaran pertanian . Tambahan pula , pada zaman dinasti Song , perampasan dan penumpuan tanah dalam tangan golongan yang berada dan berpengaruh semakin serius . Akibat dari itu , petani-petani yang terpaksa mengalami masalah dan kerugian termasuklah kehilangan tanah dan mereka tidak memiliki tanah yang subur untuk ditanam . Perasaan tidak puashati di kalangan rakyat semakin serius dan mereka akan menjadi golongan yang menentang pihak kerajaan . Fan menyedari akan hakikat ini dan gigih membangunkan bidang pertanian dengan menyeru supaya petani-petani mendirikan taliair , membina benteng air dan projek-projek yang memanfaatkan rakyat . Fan juga menggalakkan penebusgunaan tanah supaya produktiviti dapat dipertingkatkan .

Fan Zhongyan bukan sahaja memberi cadangan semata-mata , malah beliau telah mempraktikkan dasar pembaharuan tersebut dengan mengurus dan mengawal sendiri projek-projek yang hendak dilaksanakan itu . Sementara beliau memegang jawatan Pengurus Stor Garam di Xixizhen di Taizhou , beliau pernah menyarankan supaya memperbaiki benteng sungai Taizhou sejauh 180 li demi mengelakkan kejadian banjir . Sewaktu beliau memegang jawatan pentadbir daerah di Suzhou , beliau telah memperbaiki pengairan di Tasek Tai 太湖 yang merupakan kawasan pengeluaran padi yang utama pada masa itu . Apabila masalah banjir diatasi , pendapatan petani-petani turut bertambah . Pembangunan dalam sektor pertanian dapat menjamin pendapatan negara yang seterusnya memperkukuhkan bidang ekonomi negara .

(7) **Sistem ketenteraan** : Demi memperkukuhkan kuasa kerajaan pusat , kerajaan Song menumpukan pasukan tentera di ibukota Song . Pasukan Imperial ini diberi layanan yang istimewa oleh kerajaan pusat . Perbelanjaan-perbelanjaan yang diperuntukkan untuk askar Imperial adalah tinggi sekali sehingga perbelanjaan melebihi pendapatan negara . Tambahan pula dengan pertarungan di antara pasukan Song dengan Xi Xia , dinasti Song menjadi semakin lemah . Selain dari membina benteng dan kota , Fan bercadang bahawa pengambilan askar yang gagah dan muda harus dilaksanakan oleh kerajaan Song . Askar-askar yang muda dan gagah harus diberi latihan dan pendidikan ketenteraan yang sistematik . Selain itu , mereka digalakkan menjalankan latihan sambil bercucuk tanam . Cadangan ini amat membawa manfaat di mana kualiti askar-askar bukan sahaja terjamin , bahkan

dapat mengatasi masalah penghantaran bekalan makanan dari kawasan jauh . Manakala ketua tentera pula harus memahami taktik peperangan kerana kekurangan pemahaman dalam taktik peperangan akan melemahkan daya pertarungan pasukan tentera dalam medan peperangan . Di samping itu , Fan juga menjalankan dasar terbaik-baik dengan tujuan mendapatkan sokongan daripada kaum nomad di utara . Sokongan daripada kaum nomad merupakan penghalang kepada pihak musuh pada akhirnya .

(8) **Meringankan sistem kerahan** : Sistem kerahan yang dilaksanakan pada dinasti Song utara termasuklah *chaiyi* ( Mereka di bawah kategori ini menjalankan tugas seperti menjaga harta benda kerajaan 官物 , mengawasi pembayaran cukai dan menangkap penjahat . Golongan ini terdiri daripada tuan-tuan tanah ) dan *fuyi* ( Mereka yang menjalankan tugas seperti memperbaiki benteng pengairan , kerja-kerja pembinaan dan pengangkutan hasil dari kawasan tempatan ke kerajaan pusat . Golongan ini terdiri daripada petani-petani ) . Didapati bahawa pegawai-pegawai tinggi dan saudara-mara mereka dikecualikan daripada menjalankan tugas untuk negara . Manakala kebanyakan tuan-tuan tanah pula cuba dengan sedaya-upaya untuk melarikan diri dari sistem kerahan ini . Kesannya , segala tugas telah dipikul oleh petani-petani yang miskin dan segelintir tuan tanah yang sederhana . Sistem kerahan telah mengakibatkan sawah padi tidak dikerjakan oleh petani-petani , malah ramai daripada rakyat jelata mencatitkan diri demi mengelakkan sistem kerahan ini . Fan mengemukakan pandangan supaya kerajaan Song menggabungkan daerah-daerah yang mempunyai

bilangan penduduk yang sedikit dengan tujuan mengurangkan peratusan penduduk yang terlibat dalam sistem kerajaan .

(9) **Kurniaan Maharaja** : Maharaja Song biasanya melangsungkan upacara sembahyang tiga tahun sekali apabila kurniaan maharaja diisytiharkan dengan memberi pengecualian cukai ke atas rakyat jelata . Walau bagaimanapun , pegawai-pegawai di peringkat daerah biasanya tidak menjalankan tugas dengan baik di mana mereka masih mengutip wang , bahkan merampas harta-benda rakyat jelata . Perintah diraja tidak dapat dilaksanakan dan ini merupakan punca utama rakyat jelata melahirkan rasa tidak puas hati terhadap pihak kerajaan . Memandangkan hakikat ini , Fan bercadang supaya pegawai-pegawai kerajaan yang tidak melaksanakan perintah maharaja harus dikenakan hukuman . Selain itu , Fan mencadangkan bahawa maharaja harus menurunkan perintah supaya Sekretariat Imperial melantik pegawai-pegawai yang bertanggungjawab untuk melawat ke semua jajahan dan daerah demi memahami kesusahan rakyat . Bagi Fan , hanya dengan melaksanakan perintah maharaja sepenuhnya , segala jentera pentadbiran negara akan berjalan dengan baik .

(10) **Memberi perhatian terhadap undang-undang** : Fan Zhongyan mengesyorkan bahawa pegawai-pegawai yang terlibat dalam pengkajian rang undang-undang harus berasal dari Badan Perbicaraan Hukuman Mati dan Institusi Perundangan dan Kehakiman . Manakala dasar-dasar yang perlu dilaksanakan pula haruslah dihantar ke bahagian Sekretariat Imperial dan Biro Ketenteraan . Bagi

mereka yang melanggar undang-undang, hukuman sistem kerahan akan dijatuhkan kepada mereka. Dasar ini disarankan oleh Fan dengan tujuan pegawai-pegawai kerajaan mengutamakan undang-undang dan menjalankan tugas dengan baik.

Sesungguhnya sarjana-sarjana pentadbir dinasti Song memang mempunyai harapan yang tinggi terhadap maharaja Ren Zong selepas Fan Zhongyan mengemukakan dasar-dasar pembaharuan tersebut. Mereka memberi sokongan yang setia dan keyakinan terhadap maharaja Ren Zong agar baginda mampu memulihkan keadaan dinasti Song yang lemah itu. Dalam hubungan yang sama, bermula pada bulan ke-10, tahun 1043, maharaja Ren Zong turut mengumumkan perintah maharaja ke seluruh negara. Di sini bermulalah dasar pembaharuan Fan Zhongyan yang lebih dikenali sebagai “Dasar Pembaharuan Qingli” dalam sejarah China.

Dari pengumuman perintah maharaja pada bulan ke-10, tahun 1043, didapati bahawa dasar pembaharuan dalam “sistem kenaikan pangkat”, “sistem perlindungan”, “sistem peperiksaan”, “sistem perakuan pegawai”, “pembahagian pendapatan yang lebih adil melalui sistem sawah awam” dan “sistem kerahan” telah dilaksanakan sebahagiannya. Oleh sebab pembaharuan dalam sektor pertanian, pembaharuan dalam kurniaan maharaja dan undang-undang mempunyai pertalian dengan dasar-dasar pembaharuan di atas, maka ianya juga dijalankan oleh kerajaan. Hanya pembaharuan dalam bidang ketenteraan tidak dilaksanakan oleh kerajaan Song kerana menteri-menteri dinasti Song turut

berpendapat bahawa sistem “ Askar Militia ” tidak sesuai dijalankan pada masa itu , justeru itu dasar tersebut tidak diumumkan perlaksanaannya oleh kerajaan Song.

Dalam proses perjalanan dasar pembaharuan tersebut , Fan Zhongyan dan reformis-reformis menghadapi bantahan dan halangan yang keras daripada musuh mereka .

#### 7.4 Kegagalan Dasar Pembaharuan Qingli

Sebagaimana yang diketahui , pembaharuan dalam sistem kenaikan pangkat dan sistem perlindungan merupakan dua dasar yang penting dalam pembaharuan Fan Zhongyan . Kedua-dua dasar ini juga dikritik hebat oleh golongan musuh . Jika ditelusuri , didapati bahawa golongan yang membantah dasar-dasar pembaharuan Fan merupakan golongan yang menikmati hak istimewa selama ini . Mereka termasuklah tuan-tuan tanah yang berkuasa dan saudara-mara keluarga diraja . Mereka membantah keras dasar-dasar pembaharuan kerana takut kehilangan kuasa dan hak istimewa mereka di mana kuasa dan hak istimewa ini sebenarnya merupakan “ kotak emas ” yang membantu mereka mengumpul harta dan kekayaan . Demi memusnahkan golongan reformis dan menggagalkan dasar pembaharuan , mereka ghairah membuat fitnah terhadap golongan reformis . Pada masa inilah golongan konservatif melibatkan diri dalam arus membangkang dan

menfitnah golongan reformis sebagai “pakatan ” demi menjatuhkan golongan reformis .

Apabila Fan Zhongyan diturunkan pangkat ke Binzhou ( di Shaanxi kini ) pada tahun 1045 , boleh dikatakan bahawa tanda kegagalan telah menyeliputi golongan reformis dan dasar pembaharuan Qingli . Penyokong-penyokong Fan seperti Fu Bi dan Du Yan turut diturunkan pangkat ke Yunzhou 鄆州 ( di Shandong kini ) dan Yanzhou 兗州( di Shandong kini ) . Pada masa inilah penyokong-penyokong Fan disingkirkan sama sekali dari pentas politik dinasti Song . Manakala maharaja Ren Zong pula menjadi putus asa dan berhati dingin terhadap dasar pembaharuan Fan dan golongan reformis . Dasar pembaharuan Qingli menemui kegagalan dan ianya hanya mengambil masa selama lebih kurang setahun sahaja .

Jika ditinjau dengan teliti , didapati bahawa apabila sesuatu dasar pembaharuan itu bercanggah dengan kepentingan golongan birokrasi , maka dasar tersebut akan menemui kekalahan . Demikianlah juga dengan dasar pembaharuan yang disarankan oleh Fan Zhongyan . Secara teliti , didapati bahawa sistem birokrasi telah berakar umbi di tanah negara China sejak dari dulu lagi . Manakala kewujudan sistem birokrasi berkait rapat dengan sistem maharaja ( 皇帝制 ) atau kerajaan imperial . Sistem maharaja membawa maksud bahawa segala kuasa tertumpu kepada seorang sahaja iaitu maharaja . Sejarah telah membuktikan bahawa terdapat ramai daripada pembesar-pembesar dan menteri-menteri yang pernah

memberi nasihat kepada maharaja , malah di antaranya ada yang mengkritik maharaja sebagai diktator , namun pada akhirnya tidak ada di antaranya menentang sistem maharaja ini dan Fan Zhongyan merupakan salah seorang daripada golongan ini . Malah Fan sendiri telah memperkukuhkan pula sistem maharaja . Ini dapat dibuktikan dengan dasar pembaharuan dalam kurniaan maharaja yang disarankan oleh Fan .

Dalam hati sanubari Fan , beliau langsung tidak menyedari akan sistem maharaja yang berkuasa mutlak itu sebenarnya merupakan asas kepada kemerosotan dinasti Song Utara . Malah Fan berpendapat bahawa maharaja sendiri seharusnya mempunyai kuasa yang tidak boleh dicabar . Justeru itu , Fan mengemukakan pandangan *zhongjun* iaitu bertaat setia sepenuhnya terhadap maharaja . Bagi Fan , segala dasar-dasar yang diisytiharkan oleh maharaja haruslah dilaksanakan . Sekiranya tanggungjawab ini tidak dijalankan oleh pegawai-pegawai kerajaan , maka pegawai-pegawai kerajaan tersebut haruslah diberi hukuman . Dasar *tan enxin* tidak menghadkan kuasa maharaja , malah sebaliknya memperkukuhkan kuasa dan kedudukan maharaja pula . Secara telusuri dengan teliti , didapati bahawa satu kelemahan dalam sistem kerajaan imperial ialah segala pengurusan dan pentadbiran adalah berdasarkan *renzhi* atau pentadbiran yang lebih bergantung kepada keputusan yang dibuat oleh maharaja seorang sahaja dan bukannya *fazhi* atau pemerintahan berdasarkan undang-undang .



Dalam sistem imperial ini , maharajalah yang mempunyai kuasa yang terbesar . Dalam proses atau perjalanan mentadbir negara , biasanya maharaja akan dipengaruhi oleh kebolehan sendiri , emosi atau suasana disekelilingnya . Keadaan ini menyebabkan maharaja susah untuk memutuskan siapa yang sebenarnya betul dan sebaliknya . Perseimbangan di antara perasaan dan emosi baginda sendiri serta kuasa yang dimilikinya adalah sukar dicapai di mana ini pada akhirnya akan merunsingkan maharaja sendiri dan menyebabkannya membuat keputusan yang kurang tepat .

Sejarah telah membuktikan bahawa sistem imperial merupakan satu sistem pengukuhan kuasa pemerintah yang paling kuat . Maharaja mempunyai kuasa yang tertinggi dan baginda membuat keputusan yang terakhir dalam segala hal .

Dalam pentadbiran negara , baginda memerlukan pegawai-pegawai kerajaan untuk membantunya menguruskan hal-hal pentadbiran . Secara ringkas , pegawai-pegawai kerajaan ini merupakan mereka yang hanya menurut perintah maharaja dalam menguruskan segala kerja yang ditetapkan . Maharaja memberi kuasa kepada menteri-menteri atau pegawai-pegawai kerajaan untuk mentadbir negara , namun baginda berhak menarik balik pula kuasa ini . Boleh dikatakan bahawa menteri-menteri atau pegawai-pegawai kerajaan ini hanya merupakan wakil kepada maharaja dalam pentadbiran negara . Oleh kerana kuasa yang ada pada mereka itu sebenarnya diberikan oleh maharaja , maka secara langsung manfaat yang mereka terima itu juga “diberikan” oleh maharaja . Di sini akan

berlaku satu hubungan pertalian yang kompleks di kalangan pegawai-pegawai kerajaan, iaitu pertama, kuasa politik dan kedudukan ekonomi mereka akan ditarik balik pada bila-bila masa sahaja dan boleh dikatakan bahawa kedudukan mereka tidak dijamin oleh mana-mana pihak. Kedua, semasa mereka menjadi pegawai kerajaan, mereka akan menggunakan kuasa yang ada pada mereka untuk mengaut “keuntungan” dengan sebanyak mungkin. Dengan ini, masalah korupsi turut menjadi satu gejala yang serius. Tambahan pula oleh kerana sistem-sistem yang dilaksanakan oleh kerajaan Song hanya menguntungkan golongan-golongan tertentu dan merugikan rakyat jelata, maka masalah politik, ekonomi dan sosial telah bertambah serius sehingga tidak dapat dikawal oleh kerajaan Song.

Walaupun Fan Zhongyan cuba mengemukakan dasar-dasar pembaharuan untuk mengatasi masalah-masalah yang timbul, namun Fan sendiri dan pihak reformis akhirnya juga gagal menentang golongan pembangkang di mana golongan pembangkang ini sebenarnya telah wujud pada seluruh zaman yang penuh dengan rintangan dan halangan ini. Sistem lama yang berakar umbi telah mempengaruhi seluruh masyarakat Song. Dasar pembaharuan Fan gagal menentang sistem lama kerana dasar tersebut hanya menyentuh permukaan sahaja tanpa mengkaji punca utamanya.


Jika dipandang dari sudut yang lain, didapati bahawa musuh yang paling bahaya yang mampu menghancurkan dinasti Song ialah masalah sosial iaitu gejala korupsi yang gagal dikawal oleh kerajaan Song. Walaupun pihak reformis

termasuklah Fan Zhongyan sendiri sebelumnya cuba mengemukakan dasar-dasar yang konkrit untuk menyelesaikan masalah ini namun masalah ini bukan sahaja tidak diselesaikan, bahkan ianya kian berleluasa. Soalannya, mengapa masalah korupsi bertambah serius dalam sejarah Song? Secara luaran, didapati bahawa ketiadaan sistem perakaunan dan pengiraan yang sistematik telah memberi kesempatan kepada pegawai-pegawai kerajaan terlibat dalam gejala korupsi. Perbelanjaan yang diperuntukkan oleh kerajaan dalam pembangunan daerah dan jajahan terpaksa melalui kementerian-kementerian dan jabatan-jabatan yang tertentu. Keluasan tanah, ditambah pula dengan masalah prosedur birokratik yang panjang lebar dan juga kerana pegawai-pegawai yang terlibat adalah ramai sekali, maka jumlah perbelanjaan yang benar-benar diperuntukkan kepada rakyat jelata adalah kurang sekali. Banjir, kebuluran, kemiskinan telah menjadi satu fenomena yang serius dan susah diatasi. Walaupun maharaja yang berkebolehan selalunya berhasrat memperbaiki kehidupan rakyat jelata, namun tanpa peraturan yang sistematik dan undang-undang yang terjamin, pegawai-pegawai kerajaan di bawahnya akan menggunakan kuasa yang ada pada mereka mengumpul harta dengan sewenang-wenangnya.

Selain itu, jaringan pertalian yang kompleks di antara pegawai-pegawai kerajaan juga merupakan punca utama berlakunya masalah korupsi. Pegawai-pegawai tinggi dalam kerajaan pusat dan pegawai-pegawai daerah saling menerima rasuah dan memberi rasuah kepada pihak yang terlibat demi menjamin keselamatan masing-masing. Ringkasnya, didapati bahawa sistem kerajaan imperial

adalah satu sistem yang unik sekali dalam sejarah China . Sistem ini menjamin pemerintah mengawal sepenuhnya kuasa dan pemiliknya mempunyai kuasa yang sepenuhnya apabila menjalankan sesuatu dasar . Oleh sebab kuasa tidak mencapai keseimbangannya , maka lama-kelamaan akan wujudnya masalah dan akhirnya mengakibatkan tumbangnya dinasti .

Jika ditinjau dengan teliti , didapati bahawa Fan Zhongyan amat dipengaruhi oleh ajaran Konfusianisme . Dalam ajaran Konfusianisme , ayah (*fu* 父) dan maharaja (*Jun* 君) menduduki tempat yang tertinggi . Carta di bawah merupakan satu gambaran ideal yang dapat menggambarkan kedudukan masing-masing dalam ajaran Konfusianisme .



Sesungguhnya pihak reformis gagal mencapai matlamatnya kerana terdapat suatu kuasa yang lebih besar menghalangnya menuju ke jalan kejayaan . Dalam gambaran ideal ajaran Konfusianisme , di rumah , kuasa yang lebih besar

daripada diri adalah ibubapa dan abang. Manakala di negara pula, kuasa yang lebih besar daripada diri ialah maharaja dan ketua. Kuasa abang dan ketua boleh diatasi oleh ibubapa dan maharaja, hanya ibubapa dan maharaja merupakan golongan yang tidak boleh dicabar. Kebudayaan Cina yang berdasarkan ajaran Konfusianisme tidak memberi kuasa kepada rakyat biasa menentang ibubapa dan maharaja.<sup>4</sup> Begitulah ajaran ini mempengaruhi Fan di mana dalam hati sanubari Fan, maharaja terletak di puncak menara yang tertinggi dan titah baginda harus diperkuatkan. Secara teliti, didapati bahawa dasar pembaharuan harus disokong oleh maharaja. Tanpa sokongan daripada maharaja, dasar pembaharuan akan menemui kegagalan pada masa yang akan datang. Apabila maharaja Ren Zong bergoncang hasratnya terhadap dasar pembaharuan, maka dasar pembaharuan Qingli sememangnya menemui jalan buntu pada akhirnya. Tanpa sokongan daripada maharaja Ren Zong, dasar pembaharuan Qingli tidak mampu mencapai kejayaan.

## 7.5 Sumbangan Fan Zhongyan

Walaupun Fan Zhongyan gagal menggulingkan sistem-sistem yang wujud, namun dasar pembaharuan beliau tetap memberi kesan yang langsung terhadap suasana sosio-politik masyarakat Song seterusnya. Jika ditinjau dengan teliti, didapati bahawa Fan telah memperkenalkan nafas baru ke dalam budaya para intelek dinasti Song di mana pembinaan semangat yang lebih bertanggungjawab, ikhlas dan jujur serta sanggup mengorbankan diri demi tanahair

---

<sup>4</sup> Zhang Fa 张法, *Zhongguo wenhua yu beiju yishi 中国文化与悲剧意识 (Sifat Tragedi dalam Kebudayaan China)*, Beijing: Zhongguo Renmin Daxue Chubanshe 中国人民大学出版社, 1989, ms. 15—16.

yang tercintanya . Pepatah “( Haruslah kita ) menjadi orang yang pertama menimbulkan perasaan risau terutama hal-ehwal negara dan orang yang terakhir menikmati kegembiraannya ” telah banyak memberi kesan langsung terhadap para intelek dinasti Song . Akibat dari ketidakstabilan dalam bidang politik , para intelek mudah melahirkan rasa negatif terhadap masyarakat dan negara . Fan Zhongyan adalah seorang intelektual yang idealistik , berdisiplin diri dan penuh bertanggungjawab . Sifat-sifat positif ini sebenarnya telah dipengaruhi oleh ajaran Konfusianisme yang menganggap *tianxia* sebagai tanggungjawab sendiri . Walaupun terdapat perkataan seperti “risau ” dan “gembira ” dalam pepatah ini , namun demikian , unsur “kerisauan ” itu ( iaitu bimbang terhadap penderitaan rakyat ) merupakan aspek yang paling diutamakan . Sesungguhnya Fan Zhongyan benar-benar mengambil berat tentang kesejahteraan rakyat jelata dinasti Song . Dasar pembaharuan yang dikemukakan oleh beliau juga bertujuan memperbaiki keadaan hidup rakyat yang pada masa itu kebanyakannya merupakan petani-petani yang miskin . Suasana politik dan sosial dinasti Song pada masa itu dipengaruhi oleh pelbagai masalah di mana pegawai-pegawai kerajaan menjalankan tugas dengan sikap acuh tak acuh , malas , bersikap keji seperti menerima rasuah , Fan mengkritik keadaan ini dengan sehebat-hebatnya . Keberanian dan ketabahan hati yang ditunjukkan oleh Fan terhadap masalah-masalah yang timbul memang memberi teladan yang baik dan menimbulkan kesedaran orang ramai terutamanya para intelek . Malah suasana buruk yang sekian lama wujud dapat diperbaiki oleh Fan .

Selain itu, Fan juga memberi sumbangan terhadap pendidikan orang-orang yang berkebolehan. Bagi Fan, orang-orang yang berkebolehan merupakan penggerak utama kemajuan dan kemakmuran negara. Beliau selalu berpegang kepada prinsip bahawa pelajaran sahaja dapat mencorakkan masa depan negara. Sehubungan ini, Fan amat mementingkan pembinaan sekolah-sekolah di mana sekolah merupakan tempat yang dapat mendidik orang-orang yang berkebolehan. Semasa Fan menjadi pegawai kerajaan di Suzhou (di Jiangsu kini), Taizhou (di Jiangsu kini), Yizhou 益州 (di Sichuan kini), beliau turut menggalakkan budaya membaca di tempat-tempat tersebut. Di samping itu, Fan juga amat mementingkan kualiti guru-guru. Fan mengutamakan mereka yang bukan sahaja berpengetahuan luas, tetapi bermoral tinggi juga. Pada pendapat beliau, hanya guru-guru yang berpengetahuan dan bermoral tinggi mampu mendidik pelajar-pelajar yang benar-benar menyumbangkan jasa terhadap negara. Fan menjadi teladan yang baik terhadap masyarakat zamannya kerana beliau sendiri merupakan ahli pendidikan yang dihormati dan disanjung pada masa itu.

Bagi Fan Zhongyan, perlantikan orang-orang yang berkebolehan ditumpukan kepada orang-orang yang bertabah. Walaupun orang tersebut pernah melakukan kesalahan pada satu masa dahulu, namun Fan tetap melantiknya dalam jentera pentadbiran negara. Bagi mereka yang pernah mengkritik beliau pula, Fan tetap merekomennya sebagai pegawai kerajaan. Semangat adil yang ditunjukkan oleh Fan dalam pentas politik dinasti Song adalah sangat berharga. Selain itu, Fan pandai mencungkil dan melantik orang-orang yang berkebolehan. Contoh yang

ketara ialah semasa Fan menjawat jawatan Timbalan Pesuruhjaya Keamanan di Shaanxi , beliau menjumpai Di Qing yang pada masa itu merupakan seorang yang gagah berani . Di Qing dilantik menjadi ketua jeneral semasa berperang dengan negara Xia dan beliau dapat menyumbangkan jasanya dalam medan peperangan dan akhirnya telah menjadi seorang ketua tentera yang terkenal dalam sejarah dinasti Song .

Pada akhirnya dapat disimpulkan bahawa Fan Zhongyan sebagai seorang sarjana pentadbir daripada golongan pertengahan dan bawahan , beliau telah menunjukkan usaha dan semangat perjuangan yang amat dikagumi . Walaupun impian Fan Zhongyan untuk menggerakkan pembaharuan tidak tercapai , namun dasar pembaharuan Fan tetap memberi ilham dan pengajaran kepada para intelek dan reformis-reformis seterusnya . Tujuan utama dasar pembaharuan Qingli bukan ditujukan kepada menggulingkan sistem-sistem yang wujud , namun ianya lebih menumpukan perhatian kepada mengubahsuaikan dasar-dasar yang sekian lama wujud . Isi kandungan dasar pembaharuan Fan haruslah diberi perhatian yang serius oleh generasi-generasi seterusnya . Sinaran yang disebarkan oleh Fan mampu diteruskan dan memberi kesan yang langsung terhadap arena politik dalam sejarah China .